

HARIAN METRO

Nak seludup terus 'beku'

■ Lelaki bawa masuk 41 kotak daging lembu ditahan

Izaily Nurul Ain Hussein
izaily@hmetro.com.my

Johor Bahru

Cubaan seorang lelaki membawa masuk 41 kotak mengandungi daging lembu sejuk beku ke negara ini menggunakan kereta di Lahan Plaza Kenderaan Ringan (KSAB), Tanjung Kupang, Gelang Patah, di sini. Isnin lalu gagal apabila dia ditahan ketika melakukan pemeriksaan kastam.

Dalam kejadian jam 10.30 pagi, lelaki terbabit disyaki memandu kenderaan pacuan empat roda Mitsubishi Triton yang sarat dengan muatan itu sebelum ditahan petugas Kastam KSAB dan diperiksa Jabatan Perkhid-

matan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

Pengarah MAQIS Wilayah Selatan, Siti Nur Ahmad berkata, hasil pemeriksaan mendapati lelaki terbabit melakukan beberapa kesalahan iaitu membawa muatan tanpa permit import dari MAQIS serta tidak mempunyai sijil kesihatan dan sijil halal.

"Empat Pegawai Penguat Kuasa MAQIS melakukan pemeriksaan ke atas sebuah kereta dibawa seorang lelaki berusia 41 tahun membawa daging sejuk beku di laluan Kastam KSAB.

"Semua muatan yang dibawa lelaki itu terdiri daripada 30 kotak daging

lembu BF Ribeye Bull bernilai RM8,982, 10 kotak Lidah BF Tongue Swiss Cut bernilai RM1,800 dan sekotak Daging Lembu BR Ribeye Cab RM300 dipercai untuk diimport dalam negara tanpa permit," katanya.

Beliau berkata, lelaki terbabit direman bagi membantu siasatan dan semua muatan dalam kenderaannya turut dirampas.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia yang memperuntukkan denda RM100,000 atau penjara maksimum enam tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.



KOTAK mengandungi daging lembu sejuk beku yang dirampas daripada suspek.